

Pusat Harmoni boleh perbetul salah tanggap tentang Islam

Oleh HISHAM HAMBARI
mhisham@sph.com.sg

PENANGKAPAN mereka yang terlibat dalam penganasan baru-baru ini membuktikan Pusat Harmoni mempunyai peranan penting dalam membetulkan salah faham terhadap Islam.

Ini termasuk tanggapan setengah pihak bahawa Islam banyak dianuti penganas dan mereka yang diberkas gara-gara penganasan memperjuangkan ajaran agama.

Demikian dinyatakan Presiden S R Nathan di akhir lawatan pertama beliau ke Masjid An-Nahdhah, Bishan, itu semalam.

Bercakap kepada wartawan, Encik Nathan berkata badan-badan seperti Pusat Harmoni memainkan peranan dalam mengetengahkan imej Islam sebenar.

"Pusat ini membantu membetulkan salah tanggapan bahawa Islam dianuti penganas dengan memberitahu pelawat inti

pati dan semangat Islam, serta ajaran-ajaran yang disampaikan Nabi Muhammad.

"Jadi mereka yang terlibat dalam penganasan sebenarnya memegang fahaman yang salah mengenai agama," kata Encik Nathan.

Mengenai kemungkinan golongan muda mudah terpengaruh dengan idea-idea radikal Islam yang tersebar di Internet, beliau berkata mesej-mesej yang didapati di pusat itu boleh dijadikan sandaran.

"Golongan muda yang mengunjungi pusat ini mempelajari erti Islam sebenar dan apa yang diperjuangkan Islam.

"Oleh itu mereka mempunyai asas untuk membuat perbandingan dengan bahan-bahan yang mereka dapati di Internet," ujar Encik Nathan.

Beliau diiringi Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Mohd Alami Musa, dan para pemimpin berbilang agama dalam kunjungan lebih sejam itu.



FOTO: M.O.SALLEH

KUNJUNGAN PERPADUAN: Encik Nathan bersalaman dengan barisan pemimpin agama yang menyertai beliau melawat Pusat Harmoni di Masjid An-Nahdhah di Bishan. Di kiri beliau ialah Haji Mohd Alami.